

R&D universiti gagal tarik minat industri

» Kurang 2 peratus daripada 27,449 dikomersialkan

Oleh Fairuz Zaidan dan Azrul Affandi Sobry
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kurang dua peratus daripada 27,449 hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) di 15 universiti awam di negara ini berjaya dikomersialkan dalam tempoh lima hingga 10 tahun lalu.

Ini bererti hanya 494 hasil penyelidikan berjaya diterjemahkan dalam bentuk produk atau perkhidmatan untuk dimanfaatkan pengguna selepas berbilion ringgit dilaburkan dalam bentuk geran penyelidikan sama ada oleh kerajaan atau pelbagai agensi dalam dan luar-

Malah, kebanyakan penyelidikan yang berjaya dikomersialkan itu dihasilkan empat universiti penyelidikan dengan 1.5 peratus daripadanya adalah daripada Universiti Malaysia (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Keempat-empat universiti itu berjaya mengomersialkan 421 daripada lebih 20,000 hasil penyelidikannya dalam tempoh itu, berbanding hanya 73 daripada 7,449 hasil penyelidikan

11 universiti lain.

Universiti bukan penyelidikan hanya menyumbang 0.3 peratus hasil penyelidikan yang dikomersialkan daripada keseluruhan yang dihasilkan universiti awam meskipun 2,841 hasil penyelidikan mereka pernah memenangi pelbagai anugerah sama ada di dalam mahupun luar negara.

Persoalannya, apajadi kepada semua hasil penyelidikan itu selepas banyak geran dibelanjakan untuk menghasilkan penemuan mereka yang mengambil masa bertahun-tahun, dan ke-

napa pihak industri tidak berminat untuk membeli produk mereka untuk dikomersialkan?

Malah, ada IPTA yang membelanjakan sehingga RM100 juta setahun untuk R&D, namun hanya 1.5 peratus daripada hasil penyelidikan mereka berjaya dikomersialkan sedangkan ada lebih 1,000 hasil penyelidikan sudah didaftarkan di bawah harta intelek.

Daripada 15 universiti itu, UTM dianggap paling berjaya kerana dapat mengomersialkan 239 hasil R&D sejak tahun 2007, namun jumlah itu pun tidak sebesar mana kerana ia hanya sekitar enam peratus daripada keseluruhan 3,894 penyelidikan yang dibuatnya dalam tempoh itu.

Ada tak dikomersialkan

Kebanyakan universiti (bukan penyelidikan) pula hanya berjaya mengomersialkan secara purata tidak lebih 10 penemuan R&D mereka dalam tempoh antara lima hingga 10 tahun lalu, malah ada yang langsung tidak berjaya mengomersialkan sebarang penemuan mereka.

Berdasarkan maklumat yang disalurkan unit penyelidikan 15 universiti terbabit, UPM sudah mengomersialkan 85 daripada 5,700 produk R&D sejak tahun 2000 dengan peruntukan geran lebih RM100 juta setahun.

USM pula sudah mengomersialkan 58 daripada 406 hasil R&D sejak tahun 2006 hingga tahun 2013 dengan geran keseluruhan sebanyak RM579 juta, manakala UM pula mengomersialkan 39 daripada lebih 10,000 hasil R&D sejak tahun 2001.

Rekod pengomersialan hasil R&D di universiti bukan penyelidikan menunjukkan hanya satu daripada 801 hasil R&D di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) berjaya menembusi industri, manakala Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hanya mengomersialkan tujuh daripada 1,500 penemuannya sejak tahun 2003.



INFO

Kajian R&D yang dihasilkan universiti tempatan dan geran diterima

Nama Universiti	Jumlah R&D	ANUGERAH Luar/Dalam	Komersial	Paten	Geran (RM)	Tempoh
Universiti Malaya	10,000	732	39	109		sejak 2001
Universiti Putra Malaysia	5,700	557	85	1,066	100j setahun	2000-2014
Universiti Sains Malaysia	406	505	58	290	579j	2006-2013
Universiti Teknologi Malaysia	3,894	791	239	1,221	307 juta	2007-2013
Universiti Tun Hussein Onn	161	300	9	149	44.39 juta	2006-2014
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	400	381	3	48	10j setahun	sehingga 2014
Universiti Malaysia Perlis	1,500	741	7	89	84 j	2003-2014
Universiti Malaysia Kelantan	58	52	3	22	17j	2007-2014
Universiti Utara Malaysia	1,806	473	10			2006-2014
Universiti Malaysia Sabah	718	40	10	70	50j	2010-2014
Universiti Pendidikan Sultan Idris	930	84	13	47		2005-2014
Universiti Malaysia Terengganu	405	350	13	10		2003-2014
Universiti Malaysia Pahang	534	295	4	193		2009-Ogos 2014
Universiti Sultan Zainal Abidin	801	40	1	5	228 geran	2008-2014
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	136	85	0	10	RM15.8 J	2008-2014
	27,449	5,426	494	3,329		